

Penyelidik UMS cipta formula makan ikan marin lestari

DE 22.11.2016 3

Jason Santos

KOTA KINABALU:

Kerja keras selama bertahun-tahun d a l a m membangunkan makanan ikan seimbang untuk ikan air masin a k h i r n y a



membuahkan hasil bagi seorang pakar akuakultur di Universiti Malaysia Sabah.

Dr Rossita Shapawi (**gambar**), Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo, akan membawa pulang RM21,000 kerana membangunkan dua formula makanan ikan marin menggunakan sumber lestari dan kos efektif.

Ciptaannya, Garoupa-1 dan Garoupa-2, telah dibeli oleh Adabi Consumer Industries pada Isnin, dalam urusan perniagaan *one-off* bernilai RM30,000.

Dia akan diberikan 70 peratus daripada jumlah itu, dengan bakinya

akan diberikan kepada universiti di bawah satu inisiatif yang memberi ganjaran kepada penyelidik dari segi kewangan menerusi pengkomersilan ciptaan mereka.

Menurut Dr Rossita, pengurangan sumber makanan laut adalah antara pendorong di sebalik perumusan makanan ikan itu.

"Ikan memakan terutamanya protein jadi penyelidikan saya fokus lebih ke arah menggantikan protein daripada sumber yang lebih lestari.

"Ia mesti banyak dan murah. Ini termasuk menerusi produk sampingan daripada ayam itik untuk protein," kata Dr Rossita, sambil menambah bagaimanapun formula untuk makanan ikan itu kini menjadi satu rahsia perniagaan.

Beliau berkata demikian semasa menandatangani memorandum pembelian formula itu di sini pada Isnin.

Adabi Consumer Industries dijangka akan mengeluarkan secara besar-besaran

dan mengagihkan ciptaan Dr Rossita ke seluruh negara menerusi anak syarikatnya, Powerpets Sdn Bhd.

Difahamkan mereka juga bekerjasama dengan Dr Rossita untuk merumuskan satu lagi formula makanan ikan untuk ikan air tawar segar.

Ini bukan kali pertama Adabi Consumer Industries bekerjasama dengan UMS kerana mereka juga memperoleh resepi untuk kuah sate sebelum ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Naib Canselor UMS, Profesor Dr Harun Abdullah dan Presiden Adabi Consumer Industries, Mohd Adrian Roslan, di sini.

Sementara itu, Dr Harun berkata akan ada lebih banyak lagi pengkomersilan ciptaan penyelidik universiti itu.

Beliau berkata ia adalah sebahagian usaha untuk menjana pendapatan tambahan untuk UMS memandangkan pengurangan bajet operasi yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi bagi 2017.